

Mesej Empat

**Mengenali Kristus**

**dan Kudrat Kebangkitan-Nya**

Bacaan Bible: Flp. 3:10, 12-14; Yoh. 11:25; Kis. 2:24; 2 Kor. 1:8-9; Wahi 1:17b-18; 2:8

**I. Paulus beraspirasasi untuk mengenali Kristus—Flp. 3:10:**

- A. Perkara yang utama dalam buku Filipi ialah pengetahuan dan pengalaman subjektif terhadap Kristus—2:2, 5; 3:7-10; 4:10, 13.
- B. Penerimaan keunggulan pengetahuan terhadap Kristus dalam Filipi 3:8 adalah melalui wahi, tetapi mengenali-Nya dalam ayat 10 adalah melalui pengalaman.
- C. Keunggulan pengetahuan terhadap Kristus ialah keunggulan Kristus yang kita realisasikan—ay. 8.
- D. Mula-mula Paulus menerima wahi tentang Kristus, kemudian dia mencari pengalaman terhadap Kristus, iaitu mengenali dan menikmati-Nya dalam pengalaman.
- E. Perkataan *mengenali* dalam Filipi 3:10 bersamaan dengan *mengalami*:
  1. Mengenali Kristus bermakna mengalami-Nya, menikmati-Nya, berbahagian dalam-Nya, dan menikmat-sama-Nya—ay. 9-10.
  2. Oleh itu, mengenali Kristus bererti menanggap-faham Dia dengan mengalami-Nya—ay. 8.
- F. Mengenali Kristus bukanlah sekadar mempunyai pengetahuan tentang Kristus, tetapi lebih-lebih lagi beroleh persona-Nya—ay. 8; 2 Kor. 2:10; bd. Kol. 2:9, 16-17:
  1. Untuk beroleh sesuatu, kita perlu membayar suatu harga—Flp. 3:7-8.
  2. Beroleh Kristus bererti mengalami, menikmati, dan memiliki semua kekayaan-Nya yang tidak terduga dengan membayar suatu harga—Ef. 3:8; bd. Wahi 3:18.
  3. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan beroleh Kristus dalam kealmuhitan-Nya—Ef. 3:8:
    - a. Walaupun Paulus telah banyak mengalami dan beroleh Kristus, namun dia tidak mengira dirinya telah mengalami Kristus dengan sepenuhnya atau telah beroleh-Nya secara menyeluruh—Flp. 3:12.
    - b. Paulus masih terus maju ke arah matlamat itu, yakni beroleh Kristus ke tahap yang paling penuh—ay. 12-14.
  4. Untuk beroleh Kristus ke tahap yang paling penuh, Paulus bukan sahaja meninggalkan pengalamannya dalam agama Yahudi tetapi juga tidak mahu terus berlengah-lengah dalam pengalamannya yang lampau terhadap Kristus—ay. 7-8, 13:
    - a. Tidak lupa akan pengalaman lampau dan terus berlengah-lengah dalamnya (tidak kira betapa sejatinya pengalaman itu) akan menghalang kita mengejar Kristus dengan selanjutnya—ay. 13; Ibr. 6:1a.
    - b. Oleh sebab Kristus adalah kaya secara tidak terduga, dan terdapat lingkungan kekayaan-Nya yang luas untuk dimiliki, maka Paulus merentangkan diri untuk mencapai sempadan yang paling jauh dalam lingkungan ini—Ef. 3:8; Flp. 3:13.
- G. Mengenali Kristus ialah hasil daripada didapati berada dalam-Nya—ay. 9-10:
  1. Keadilbenaran “yang menerusi iktikad dalam Kristus, iaitu keadilbenaran yang berasal daripada Tuhan dan berdasarkan iktikad”, membolehkan Paulus mengenali Kristus—ay. 9.
  2. Keadilbenaran yang kita kerja hasilkan melalui usaha kita sendiri tidak akan menyebabkan kita mengenali Kristus; semakin kita melakukan hal melalui usaha sendiri, semakin kita tidak mengenali Kristus—ay. 9a.

- II. Paulus beraspirasi untuk mengenali dan mengalami kudrat kebangkitan Kristus—ay. 10:**
- A. Kudrat kebangkitan Kristus ialah hayat kebangkitan-Nya yang membangkitkan-Nya daripada yang mati—Ef. 1:19-20.
  - B. Kristus sendiri ialah kebangkitan—Yoh. 11:25:
    - 1. “Akulah Yang Pertama dan Yang Terakhir dan Yang Hidup; Aku pernah mati, lihatlah, sekarang Aku hidup buat selama-lamanya, dan Aku mempunyai kunci-kunci maut dan juga Hades”—Wahi 1:17b-18:
      - a. Disebabkan kejatuhan, maut telah masuk dan kini sedang bekerja untuk mengumpulkan semua orang ke dalam Hades.
      - b. Kunci-kunci maut dan juga Hades berada dalam tangan Penyelamat kita yang telah mati dan dibangkitkan—ay. 18.
    - 2. “Hal-hal ini disabdakan oleh Yang Pertama dan Yang Terakhir itu, yang pernah mati dan hidup semula”—2:8:
      - a. *Hidup semula* merujuk kepada kebangkitan.
      - b. Tuan menderitai kematian dan hidup semula; Dia masuk ke dalam maut, tetapi maut tidak dapat menahan-Nya kerana Dia ialah kebangkitan—Kis. 2:24; Yoh. 11:25.
      - c. Kristus pergi ke Hades, melewati maut, mengatasi maut, dan keluar daripada maut dengan menang gemilang; inilah kebangkitan—bd. 1 Ptr. 3:18-22.
    - 3. Kebangkitan bermaksud bahawa seorang, iaitu Tuan Yesus kita, telah merempuh pelbagai halangan, bahkan halangan terbesar—maut—Kis. 2:24; Ef. 1:19-20:
      - a. Kebangkitan Tuan telah merempuh segala halangan dalam alam semula jadi; oleh itu, Yesus tidak lagi diikat oleh apa-apa, termasuk ruang dan masa—bd. Yoh. 7:6-8.
      - b. Pengehadan kita yang terbesar ialah ruang dan masa; namun kedua-dua ini tidak dapat mengehadkan Kristus yang bangkit.
      - c. Maut ialah pengehadan yang terbesar, namun kebangkitan telah menakluki maut; oleh itu, kebangkitan ialah kudrat yang terbesar—Flp. 3:10; Ef. 1:19-20.
  - C. Kebangkitan ialah hayat yang mengatasi maut dan tidak dimusnahkan atau dicederakan oleh maut—Yoh. 11:25; Wahi 1:17b-18; 2:8:
    - 1. Maut tidak berupaya melakukan apa-apa terhadap hayat kebangkitan—Kis. 2:24.
    - 2. Maut boleh mendatangkan pelbagai jenis kerosakan terhadap bentuk hayat yang lain; hanya sejenis hayat yang tidak dapat dicederakan oleh maut, dan inilah hayat kebangkitan—Yoh. 11:25; Flp. 3:10:
      - a. Kebangkitan ialah hayat yang melalui maut dan tidak dapat ditahan olehnya.
      - b. Menurut wahi penuh dalam Kitab, Tuhan sendiri ialah hayat kebangkitan—Roma 4:17.
  - D. Roh itu ialah realiti kebangkitan Kristus dan kudratnya—8:9-11; 1 Kor. 15:45b; 1 Yoh. 5:6:
    - 1. Untuk mengalami hayat kebangkitan Kristus, kita perlu melihat bahawa Kristus telah menjadi Roh beri-hayat dalam kebangkitan—1 Kor. 15:45b.
    - 2. Definisi tertinggi bagi kebangkitan ialah: Kebangkitan ialah proses Kristus, yakni Adam terakhir, menjadi Roh beri-hayat.
    - 3. Kebangkitan Kristus ialah transfigurasi-Nya menjadi Roh beri-hayat untuk masuk ke dalam percayawan-Nya—ay. 45b; Yoh. 20:22.
  - E. Prinsip kebangkitan ialah hayat alamiah dibunuh dan hayat divin bangkit mengantikannya—2 Kor. 1:8-9:

1. Sesuatu yang melalui maut dan masih kekal wujud ialah kebangkitan—Wahi 2:8.
2. Kebangkitan ialah sesuatu yang keluar daripada maut dan melangkaui alam semula jadi—Kis. 2:24.
3. Kebangkitan bermaksud tidak ada apa-apa kejadian atau keadaan yang dapat menyebabkan kita, iaitu orang yang mempunyai hayat kebangkitan Kristus, ditekan—2 Kor. 1:8-9.
4. Berada dalam kebangkitan bererti hayat alamiah kita telah disalibkan dan bahagian diri kita yang dicipta oleh Tuhan telah ditinggikan dalam kebangkitan untuk menjadi satu dengan Kristus dalam kebangkitan—Roma 6:4-6.
5. Apabila kita tidak hidup melalui hayat alamiah tetapi hidup melalui hayat divin dalam kita, kita berada dalam kebangkitan—Yoh. 6:57; Roma 8:11.